

# Mahathir sangkal dakwaan Putera Charles

PETALING JAYA, Khamis — Malaysia tersinggung dengan kenyataan Putera Charles dari Britain semata-mata kerana kerajaan dituduh menjalankan 'pembunuhan beramai-ramai' ke atas suku kaum Penan di Sarawak.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata dakwaan itu adalah tidak benar dan oleh itu perlu diperbetulkan demi memelihara nama baik kerajaan dan negara.

"Kita bukannya tersinggung dengan kenyataannya mengenai proses pembalakan yang keterlaluan terhadap hutan tropika di negara ini, tetapi kita dituduh membunuh suku kaum Penan.

"Ini tidak benar. Kalau kita tidak berusaha membetulkan kenyataan, seluruh dunia akan percaya, lebih-lebih lagi ia dibuat oleh seorang tokoh yang

mempunyai pengaruh besar," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata demikian ketika mengulas nota bantahan yang disampaikan oleh kerajaan melalui Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di London, mengenai kenyataan kerabat diraja British itu, baru-baru ini.

Mengenai pertemuannya dengan pemimpin kulit hitam Afrika Selatan yang baru dibebaskan, Nelson Mandela, Perdana Menteri berkata, beliau akan berlepas ke Lusaka, Zambia, Isnin ini.

"Saya menerima satu lagi panggilan telefon daripada Presiden Kenneth Kaunda, yang memberitahu bahawa Nelson Mandela akan berada di Lusaka pada 26 Februari ini dan beliau sekali lagi menjemput saya ke sana.